Jurnal Syariah, Jil. 31, Bil. 2 (2023) 232-256
Print ISSN: 0128-6730
e-ISSN: 0127-1237

Submitted Date: 28 April 2023
Accepted Date: 19 July 2023
Published Date: 31 August 2023

PERANAN WAKAF TUNAI UNTUK PENDIDIKAN: KAJIAN KES DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

The Role of Cash Waqf for Education: The Case Study of Bank Muamalat Malaysia Berhad

Mohd Izuwan Mahyudin[1]
Asmak Ab Rahman[2]

ABSTRACT

It is incumbent upon the government to undertake the provision of educational amenities, a duty that underscores its responsibilities. However, Malaysia's educational framework faces an escalating challenge, primarily stemming from the mounting costs associated with facilitating educational infrastructure. To ensure the uninterrupted delivery of quality education, the participation of waqf-developing institutions becomes pivotal in aiding the government, including private entities such as financial institutions. This study extensively examines the deployment of cash waqf funds, particularly those

[1] Ph.D Candidate, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, mahyudinmohdizuwan@gmail.com

[2] Corresponding Author. Associate Professor, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, asmak@um.edu.my

executed by banking institutions, using Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) as a reference. This bank has undertaken pioneering waqf initiatives in collaboration with the State Islamic Religious Council to advance education. This study employs a qualitative approach, entailing data collection from diverse pertinent documents, coupled with interviews involving three key personnel from Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). The study's findings underscore the Bank's tangible potential to significantly contribute to the advancement of waqf in Malaysia by means of cash waqf initiatives. Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) has notably undertaken multiple contributions within the sphere of educational waqf. These contributions encompass diverse initiatives, ranging from the establishment of educational centres to the provisioning of essential educational resources and facilities, even extending to the provision of waqf-based vehicles. The study reveals a considerable potential for the enhancement of educational waqf by engaging corporate entities, notably banking institutions.

Keywords: *educational waqf, Bank Muamalat Malaysia Berhad, cash waqf*

PENDAHULUAN

Penyediaan kemudahan pendidikan memerlukan dana yang bersaiz besar. Ia biasanya datang daripada peruntukan kerajaan. Pihak kerajaan telah memperuntukkan sejumlah dana yang besar bagi tujuan pendidikan. Ia dapat dilihat apabila Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerima peruntukan tertinggi iaitu RM 55.2 bilion pada tahun 2023, berbanding RM 52.6 bilion pada tahun 2022.[3] Peruntukan besar yang diberikan ini menunjukkan betapa kesungguhan pihak kerajaan untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang berkualiti untuk dinikmati oleh rakyat. Peruntukan yang besar ini adalah disebabkan oleh kos pendidikan yang meningkat saban tahun. Melihat kepada situasi ini, satu inisiatif pendanaan bagi membantu kerajaan membiaya kemudahan pendidikan perlu diwujudkan. Antara kaedah pendanaan bersifat lestari yang boleh diterokai ialah melalui wakaf. Inisiatif wakaf ini boleh dilaksanakan dengan berkesan dengan adanya kerjasama strategik di antara semua pemegang taruh

[3] BERNAMA, 'Belanjawan 2023: KPM Menggalas Tanggungjawab Besar Kepada Pembangunan Pendidikan Negara,' *BERNAMA*, https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php?id=2167972, diakses 15 Oktober 2023.

pendidikan di Malaysia.[4] Dalam hal ini, penglibatan badan korporat seperti institusi perbankan Islam adalah sangat diperlukan dalam usaha untuk mengarusperdanakan wakaf sebagai dana alternatif dan komplementif.

Industri kewangan Islam di Malaysia pada hari ini telah berkembang dengan pesat.[5] Sebagai salah satu komponen dalam sistem kewangan Islam, institusi perbankan Islam telah memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan ekonomi negara melalui peranannya sebagai penyedia dana pembiayaan untuk individu dan juga institusi. Disamping peranannya yang khusus berorientasikan keuntungan, institusi perbankan Islam pada hakikatnya mampu untuk turut serta dalam pembangunan wakaf di Malaysia. Ini terbukti apabila terdapat beberapa institusi perbankan Islam di Malaysia yang telah melaksanakan perkhidmatan berkaitan wakaf sebagai sebahagian daripada amalan perbankan mereka.[6] Inisiatif institusi perbankan Islam dalam menzahirkan fungsinya yang boleh berperanan secara menyeluruh melalui integrasi fungsi wakaf boleh memberikan satu identiti unik kepada institusi perbankan Islam. Penglibatan institusi perbankan Islam dalam pembangunan wakaf sekaligus menjawab tanggapan dan salah faham yang menyatakan sistem perbankan Islam pada hari ini sama sahaja dengan sistem perbankan konvensional. Ia juga menunjukkan bahawa secara praktikalnya inisiatif yang berkaitan wakaf ini boleh dilaksanakan dalam persekitaran industri kewangan semasa. Sehubungan itu, artikel ini melihat bagaimana peranan wakaf tunai bagi tujuan pendidikan dilaksanakan di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Kajian ini sangat penting untuk melihat struktur dan aplikasi model wakaf tunai yang telah dilaksanakan di Bank Muamalat Malaysia Berhad.

---

[4] Mohd Faizal Noor Ariffin, Mohammad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad & Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, 'Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan,' *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 6/2 (2021): 105-113

[5] Bank Negara Malaysia, 'Ucapan Gabenor pada Seminar Kewangan Islam Anjuran Bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong "Ke Arah Meraih Potensi Pertumbuhan Global Kewangan Islam",' *Bank Negara Malaysia*, http://www.bnm.gov.my/?ch=bm_speech&pg=bm_speech_all&ac=299&lang=bm, diakses 15 Februari 2022.

[6] Mohd Zamerey Abdul Razak & Rahimi Md Saad, 'Peranan Institusi Kewangan Islam Dalam Pembangunan Pendidikan di Malaysia: Satu Sorotan Ringkas,' (Kertas Kerja Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan 2014, Kota Kinabalu, Sabah, 15-16 Disember 2014)

SOROTAN LITERATUR

Wakaf tunai adalah salah satu instrumen kontemporari untuk kewangan sosial Islam. Ia berpotensi untuk meningkatkan ekonomi dan pembangunan sosial masyarakat Islam. Instrumen wakaf tidak harus hanya dilihat sebagai alat pendanaan bagi tujuan keagamaan semata mata sepert masjid, al-Quran dan tanah perkuburan. Wakaf perlu dilihat sebagai mekanisme untuk pembangunan ummah dalam aspek pendidikan, pemerkasaan ekonomi dan penjagaan kesihatan.[7] Terdapat satu perkaitan rapat antara kemajuan ekonomi dan pembangunan pendidikan. Sejarah menunjukkan bahawa wakaf memainkan peranan penting dalam kejayaan sesebuah institusi pendidikan yang dibangunkan.[8]

Pembangunan pendidikan melalui mekanisme wakaf telah lama dilakukan di negara-negara luar seperti Mesir dan Pakistan.[9] Beberapa contoh institusi pendidikan yang dibangunkan melalui pembiayaan harta wakaf, antaranya Madrasah Nizamiyah di Baghdad, Universiti al-Azhar di Mesir, Madrasah al-Junied di Singapura dan beberapa lagi pusat pendidikan yang lain. Ternyata institusi-institusi ini telah melahirkan ramai ilmuan terulung dunia Islam.[10] Kejayaan wakaf pendidikan di Universiti al-Azhar, Mesir dalam mengelola dana wakaf turut mempengaruhi institusi pendidikan di Indonesia.[11]

Malah di India, wakaf memainkan peranan yang besar kepada komuniti Muslim di India di mana manfaat pembangunan pendidikan turut diperoleh melalui wakaf. Madrasah, universiti dan kolej telah dibangunkan untuk

---

7 Nurwajihah Ajlaa Ali & Ruzian Markom, 'The Challenges in Implementing Cash Waqf in Malaysia,' *Journal of Contempory Islamic Studies*, vol. 6/2 (2020): 1-16.

8 Rosnani Hashim, 'Ekonomi dan Pendidikan: Peranan Institusi Wakaf,' *Jurnal Pendidikan Islam*, vol. 3/1 (1990): 40-50.

9 Abdul Halim Sunny, 'Dana Wakaf untuk Pendidikan: Satu Kajian Awal,' *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, vol. 1/2 (2002): 33-34.

10 Ahmad Zaki Abd. Latif, Nor Zaidi Mohd Daud & Che Zuina Ismail, 'Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia,' *Jurnal Pengurusan* JAWHAR, vol. 2/2 (2008): 25-61.

11 Amir Mu'allim, 'Pengaruh Pengelolaan Wakaf di Mesir Terhadap Pengelolaan Harta Wakaf Pendidikan di Indonesia,' *Akademika: Jurnal Pemikiran Islam*, Vol. 20/1 (2015): 103-122.

memberikan pendidikan moden termasuklah dalam bidang perubatan, kejuruteraan, undang-undang dan pendidikan.[12]

Penggunaan instrumen wakaf juga boleh diaplikasikan di Malaysia sebagai satu cara untuk membangunkan institusi pendidikan. Jika dahulunya wakaf dalam sistem pendidikan hanya tertumpu kepada pembinaan sekolah-sekolah agama di atas tanah wakaf, kemudian ia telah diperluaskan lagi dengan cara pengumpulan dana daripada orang ramai untuk pembinaan rumah-rumah guru, serta mewakafkan buku-buku terpakai. Kini perkembangannya semakin rancak di mana ia dikembangkan sehingga ke peringkat global seperti pembinaan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Pelaksanaan wakaf pendidikan amat sesuai diaplikasikan di institusi pengajian tinggi kerana kos pengajian peringkat tinggi ini memerlukan dana yang besar.[13]

Program pembangunan wakaf pada hakikatnya dapat memajukan bidang pendidikan di Malaysia. Ia boleh menjadi pelengkap kepada program pembangunan pendidikan bantuan kerajaan. Oleh yang demikian, usaha-usaha dalam pembangunan wakaf pendidikan perlu giat dilakukan.[14] Antara yang boleh dilakukan ialah dengan melaksanakan wakaf khas pendidikan untuk institusi pengajian tinggi.[15] Malah di Malaysia bermula tahun 2010 sehingga kini majoriti universiti awam telah menubuhkan tabung wakaf untuk pendidikan yang berjaya mengumpul jutaan ringgit untuk dimanfaatkan sebagai biasiswa atau bantuan yang berkaitan untuk pembangunan pendidikan.[16] Tidak dinafikan bahawa pembangunan wakaf

---

[12] Alli Ahmad Khan, 'Beneficial Interest of Waqf in the Minority Community: Experience in the India Population,' (Kertas kerja Seminar Waqf Antarabangsa 2014, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014).

[13] Najibah Mustapa & Zamro Muda, 'Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur,' *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, vol. 1/1 (2014): 45-47.

[14] Syed Mohd Razali Wafa, 'Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia,' (Kertas kerja Seventh International Conference –The Epistemology: Zakat and Waqf Ekonomi, Bangi, 2010), 137-152.

[15] Wan Azmi bin Wan Ahmad, Muhammad Muzakkir Othman@Seman, Mohd Hafiz Abdul Wahab & Norhasimah Shaharuddin, 'Pembangunan Wakaf Pendidikan di IPT Malaysia: Satu Alternatif untuk Mengurangkan Kos Pengajian,' (Kertas kerja Muktamar Waqf Iqlimi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 29 April 2014), 613-619.

[16] Husna Mohd Sa'adan, Siti Mashitoh Mahamood, Zaharah Hussin & Norwati Mansor, 'Polisi dan Perundangan Penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Berasaskan Wakaf: Kajian di Malaysia dan Indonesia,' *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol. 31/1 (2019): 157-183.

pendidikan adalah sangat penting dalam pembangunan pendidikan negara. Bagi memastikan kejayaan wakaf di institusi pendidikan, cabaran yang melibatkan pentadbiran, pengurusan sumber kewangan, tenaga kerja pakar dan pengurusan maklumat perlu diberi perhatian khusus.[17] Selain itu kurangnya kesedaran dikalangan masyarakat dalam aspek wakaf pendidikan juga menjadi cabaran yang perlu ditangani dengan tuntas.[18]

Dalam pembangunan pendidikan yang baik, kelestarian dana adalah antara aspek penting yang perlu diberi tumpuan. Dalam hal ini, inisiatif penjanaan dana yang bersifat mapan perlu diwujudkan. Hal yang demikian penting agar tidak berlaku kebergantungan yang tinggi kepada bantuan kerajaan.[19] Bagi menjamin kelestarian tersebut, kerjasama strategik di antara pihak-pihak yang berkepentingan dalam aspek pendidikan seperti badan kerajaan, MAIN, institusi pengajian tinggi dan badan korporat perlu diperkukuhkan. Antara contoh yang boleh diambil ialah pelaksanaan wakaf pendidikan oleh Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) di Johor.[20]

Menyedari hakikat keterbatasan kemampuan pihak kerajaan untuk menampung pembiayaan kemudahan pendidikan, maka beberapa institusi pendidikan telah mengambil langkah memperkenalkan model wakaf yang bersesuaian bagi memperoleh dana pembangunan dan pengurusan.[21] Pelaksanaan wakaf pendidikan adalah sangat relevan untuk membantu institusi pengajian tinggi awam bagi menampung kos perbelanjaan

---

17 Ahmad Zaki Abd. Latif, Nor Zaidi Mohd Daud & Che Zuina Ismail, 'Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia, 25-61.

18 Norul Azila Ismail & Hairunnizam Wahid, 'Penerimaan Masyarakat Islam terhadap Wakaf Tunai Pendidikan: Kajian dalam Kalangan Kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA),' *Journal of Management & Muamalah*, vol. 11/2 (2021): 1-14.

19 Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid, 'Kelestarian Wakaf dalam Membangunkan Institusi Pendidikan: Kajian Awal,' (Proceeding of International Conference on Postgraduate Research, 1-2 Disember 2014, Kuala Lumpur), 454-465.

20 Abd. Shakor Borham & Siti Mashitoh Mahamood, 'Wakaf Korporat Johor Corporation dan Sumbangannya Dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam di Malaysia: Satu tinjauan,' *Journal of Techno Social*, vol. 5/2 (2013): 61-77.

21 Mas Nooraini Hj Mohiddin, 'Kredibiliti Wakaf Dalam Menangani Isu Pembiayaan Pengajian Tinggi: Wakaf Pendidikan Malaysia Sebagai Model,' *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, vol. 6/41 (2021): 76-96.

pendidikan yang mencakupi dua aspek perbelanjaan iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.[22]

Kajian Asiah Kamal dan Azizi Che Seman pula menyatakan bahawa antara inisiatif atau kaedah pendanaan wakaf pendidikan yang boleh dilakukan ialah dengan cara pengumpulan dana daripada orang ramai, kerjasama strategik dengan badan korporat, menggunakan dana zakat, kerjasama di antara institusi kerajaan dengan MAIN dan penggunaan dana manfaat yang terhasil daripada keuntungan pelaburan dana wakaf.[23]

Beralih pula kepada peranan sebuah entiti dalam kewangan Islam di Malaysia iaitu institusi perbankan Islam, terdapat inisiatif berkaitan wakaf yang dikenali dengan myWakaf telah diperkenalkan. Inisiatif ini adalah satu perjanjian usaha sama strategik di antara enam buah institusi perbankan Islam di Malaysia iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Affin Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad. Inisiatif dengan kerjasama di antara MAIN terpilih ini memberikan tumpuan kepada aspek pendidikan, pemerkasaan ekonomi dan penjagaan kesihatan. Setakat hari ini, pelbagai projek yang melibatkan aspek pendidikan telah berjaya dilaksanakan.[24]

Berdasarkan kepada sorotan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa tiada kajian yang membincangkan mengenai penglibatan institusi perbankan Islam secara khusus dalam aspek pendidikan. Oleh yang demikian kajian ini dilakukan untuk melihat secara spesifik model pembangunan wakaf yang telah dibangunkan oleh BMMB khususnya dalam membantu menyediakan kemudahan pendidikan melalui wakaf tunai. Kertas ini juga turut membincangkan faktor-faktor atau kelebihan yang ada pada institusi perbankan Islam dalam melaksanakan aktiviti yang berkaitan wakaf dalam operasi perniagaan sedia ada.

---

[22] Rais Yasin, Sayuti Ab Ghani, Nur Amni Syafiqah Saufe & Redwan Yasin, 'Relevansi Pelaksanaan Wakaf Pendidikan dan Keberkesanan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA),' *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance (AZJAF)*, vol. 4/1 (2023): 175-187.

[23] Asiah Kamal & Azizi Che Seman, 'Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih: Potensi Pelaksanaan di Peringkat Institusi Pengajian Tinggi,' *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, vol. 10 (2017): 151-185

[24] Berita Harian, 'Inisiatif MyWakaf,' *Berita Harian*, https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/09/322944/6-bank-islam-bangunkan-dana-wakaf, diakses 8 Jun 2020.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk kualitatif telah diaplikasikan bagi mengkaji peranan wakaf tunai dalam aspek pendidikan yang dilaksanakan di BMMB. Kaedah kajian kualitatif ini dipilih adalah disebabkan oleh kesesuaiannya dengan tujuan kajian ini yang mana hasilnya boleh diperoleh melalui kaedah temu bual dan analisis dokumen.[25] Pendekatan kajian kualitatif ini melibatkan kaedah kajian kes disesebuah intitusi yang selari pelaksanaannya dengan tujuan kajian dilakukan.[26]

Kajian lapangan dilakukan di mana maklumat dikutip melalui temu bual dengan informan secara fizikal dan secara atas talian.[27] Dalam kajian ini penulis memilih kaedah pensampelan bertujuan dalam aspek pemilihan institusi yang hendak dikaji dan informan yang sesuai untuk ditemu bual. Penulis telah memilih salah satu daripada enam institusi perbankan Islam yang telah melaksanakan inisiatif wakaf dibawah payung myWakaf iaitu BMMB. BMMB dipilih kerana ia adalah sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya yang pertama melaksanakan inisiatif wakaf tunai dalam aktiviti perbankan mereka. Setakat ini, BMMB telah melakukan kerjasama strategik dengan lima MAIN untuk inisiatif wakaf tunai ini.

Bagi melengkapkan kajian ini, beberapa orang tokoh atau individu pelaksana telah dipilih antaranya Dato' Mohd Redza Shah Abdul Wahid yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad merangkap Presiden Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), En. Mohd Hafiz Hj Fauzi yang merupakan Ketua Jabatan Dakwah, Wakaf & Zakat Bank Muamalat Malaysia Berhad, dan Cik Wan Nuraihan Hj Ab Shatar, Pengurus Wakaf & Zakat Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Bagi mendapatkan hasil kajian yang menyeluruh, penulis juga telah membuat analisis dokumen yang berkaitan seperti buku, laporan, jurnal, data dalam bentuk bercetak dan elektronik yang berkisar tentang penglibatan BMMB dalam wakaf tunai.

---

25 Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2006), 47.

26 John. W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 3rd ed. (Thousand Oaks, CA: SAGE Publication, 2009), 30

27 John. W. Creswell, *Research Design: Qualitative*, 168

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Penglibatan Bank Muamalat Malaysia Berhad Dalam Wakaf Tunai

Hasil kajian menunjukkan bahawa selain daripada melakukan aktiviti-aktiviti perniagaan yang berorientasikan keuntungan, pihak institusi perbankan Islam juga sebenarnya boleh mengambil inisiatif untuk membangunkan atau memperkenalkan wakaf dalam aktiviti mereka. Ia dapat dilakukan dengan mengunakan konsep wakaf tunai. Hal ini dapat dibuktikan apabila BMMB menjadi institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang bukan sahaja menawarkan perkhidmatan kutipan wakaf tunai, malah bekerjasama dalam menguruskan dana tersebut melalui pembentukan model yang dinamakan Wakaf Muamalat.[28] Ia merupakan satu bentuk model wakaf tunai berstruktur yang dilaksanakan bersama di antara pihak BMMB dan MAIN. Sumber dana wakaf ini diperoleh daripada sumbangan orang ramai dan institusi. Antara keunikan inisiatif ini ialah pihak BMMB tidak hanya berperanan mengutip dana wakaf sahaja, sebaliknya pihak BMMB juga turut sama bekerjasama dengan pihak MAIN menguruskan dana tersebut melalui pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). JPB yang dibentuk ini diwakili oleh beberapa individu daripada BMMB dan MAIN dan ia berperanan dalam menguruskan dana yang telah dikumpul untuk disalurkan kepada projek yang telah diputuskan bersama. Skop penggunaan dan pengagihan dana telah dibahagikan kepada tiga saluran utama iaitu bidang pendidikan, kesihatan dan pelaburan.[29]

[28] Mohd Redza Shah Abdul Wahid (Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Presiden, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)), dalam temu bual dengan penulis, 23 November 2020.

[29] Mohd Hafiz Hj Fauzi (Ketua Jabatan Dakwah, Wakaf & Zakat, Bank Muamalat Malaysia Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 20 Oktober 2020.

Rajah 1: Model Wakaf Selangor Muamalat (WSM)



Sumber: Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil (2014)[30]

Setakat ini BMMB telah memulakan kerjasama dengan lima MAIN.[31] BMMB memulakan program wakaf ini pada tahun 2012 melalui pelancaran Wakaf Selangor Muamalat (WSM) iaitu kerjasama BMMB dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Setelah itu, pada tahun 2017, BMMB menjalinkan pula kerjasama dengan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan. Kerjasama tersebut dinamakan Wakaf Negeri Sembilan Muamalat. Seterusnya pada tahun 2018, BMMB berkerjasama pula dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan dinamakan Wakaf MAIK Muamalat. Pada tahun 2019 pula, pihak BMMB telah memulakan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Kedah yang dinamakan sebagai Wakaf Kedah Muamalat (WKM). Terkini pada tahun 2022, kolaborasi terbaru telah dilakukan oleh BMMB bersama Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang menyaksikan terbentuknya Wakaf Pahang Muamalat (WPM).[32]

---

30 Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 'Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisa Wakaf Selangor Muamalat,' *Jurnal Pengurusan*, vol. 42 (2014): 159-167.

31 Wan Nuraihan Hj Ab Shatar (Pegawai Wakaf & Zakat, Bank Muamalat Malaysia Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 23 November 2020.

32 Bank Muamalat, 'Pengenalan', *Wakaf Muamalat*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Pengenalan.html, diakses 10 Jun 2022.

2. Inisiatif Wakaf yang Dilaksanakan oleh BMMB Dalam Aspek Pendidikan

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga aspek tumpuan bagi penyaluran dana wakaf tunai yang telah dikumpul melalui Wakaf Muamalat iaitu pendidikan, kesihatan dan pelaburan. Menyedari perlunya kepada dana sokongan bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan pendidikan secara lestari, pihak BMMB melalui inisiatif Wakaf Muamalat komited dengan menyalurkan dana wakaf tunai yang telah dikumpul kepada projek-projek pendidikan melalui tiga bentuk iaitu pembinaan pusat pendidikan, penyediaan kemudahan sekolah dan penyediaan kenderaan.

Rajah 2: Inisiatif Wakaf yang Dilaksanakan oleh BMMB Dalam Aspek Pendidikan



Sumber: Diolah oleh pengkaji berdasarkan hasil temu bual.

a) Wakaf Pembinaan Sekolah dan Pusat Pendidikan

Melihat kepada keadaan semasa, pihak kerajaan pada ketika ini menanggung perbelanjaan yang besar untuk membina infrastruktur serta kemudahan pembelajaran. Hal ini dapat dilihat pada tahun 2023 sahaja, daripada jumlah sebanyak RM 55.2 bilion yang diperuntukkan dalam bajet negara, RM 2.3 bilion adalah untuk membina infrastruktur serta kemudahan pembelajaran terbaik di sekolah-sekolah. Ini termasuk RM 920 juta untuk menaik taraf bangunan serta infrastruktur 380 buah sekolah daif seluruh negara.[33] Sebagai sebuah institusi perbankan Islam, BMMB telah mengambil inisiatif untuk turut sama memainkan peranan membantu dalam aspek pembangunan pendidikan negara melalui wakaf tunai.[34]

---

[33] Kementerian Pendidikan Malaysia, 'Belanjawan 2023 Kementerian Pendidikan Malaysia,' *Kementerian Pendidikan Malaysia*, https://www.moe.gov.my/muat-turun/kenyataan-media/km2023/5642-km-kpm-belanjawan-2023-kementerian-pendidikan-malaysia/file, diakses 15 Oktober 2023.

[34] Mohd Redza Shah Abdul Wahid (Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Presiden, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)), dalam temu bual dengan penulis, 23 November 2020.

BMMB melalui Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) pada ketika ini dalam usaha mengumpulkan dana wakaf bagi membiayai pembinaan dan pemindahan Sekolah Menengah Islam (SMI) Seremban (Sekolah) ke tanah wakaf yang diwartakan terletak di Lot 29470 & Lot 3649 Kg Panchor, Mukim Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan. Bangunan sedia ada tidak dapat memuatkan semua pelajar justeru terdapat keperluan mendesak untuk mempunyai kemudahan yang lebih besar berikutan peningkatan jumlah pendaftaran pelajar baharu. Projek ini bernilai RM 5 000,000.00.[35] Melalui Wakaf Selangor Muamalat (WSM) pula, sumbangan wakaf berjumlah RM 468,587.00 telah diberikan kepada Sekolah Menengah Ugama (Arab) Darul Ulum Diniah, Tanah Merah, Kelantan.[36] WSM juga telah menyumbangkan sebuah Blok bangunan tiga tingkat kepada KAFA Integrasi al-Mubarak Kota Damansara yang bernilai RM 157,500.00. Selain itu, melalui Wakaf MAIK Muamalat pula, sebuah bangunan yang bertujuan untuk melatih muallaf telah dibina di Tumpat Kelantan.[37]

b) Wakaf Kelengkapan dan Kemudahan Sekolah

Selain daripada memberikan sumbangan dalam bentuk pembinaan sekolah dan pusat pengajian, BMMB melalui kerjasama MAIN terpilih juga turut terlibat dalam projek-projek yang menyediakan kelengkapan dan kemudahan di sekolah. Antaranya, melalui WSM sejumlah RM 498,000.00 telah disumbangkan kepada Sekolah Rendah Islam (SERI) Al-Huda untuk membina sebuah bilik darjah dan menyediakan kelengkapan pembelajaran untuk lima bilik darjah. WSM juga telah menyumbangkan sejumlah RM 71,600.00 kepada Sekolah Menengah Tahfiz Harapan, Kuala Langat bagi tujuan pembesaran surau dan kantin sekolah.[38]

---

35 AIBIM, 'MyWakaf,' *AIBIM*, https://www.mywakaf.com.my/ms/our-projects/?project=39, diakes 15 November 2022.

36 Bank Muamalat, 'Kenyataan Akhbar,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, 2016, https://www.muamalat.com.my/wp-content/uploads/2019/02/160508-PR-WSM-SMUA-Darul-Ulum-8-May-2016.pdf, diakses 15 November 2022.

37 Bank Muamalat, 'Wakaf MAIK Muamalat Merasmikan Pusat Latihan Mualaf,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Berita-Wakaf/2020/wakaf-maik-muamalat-merasmikan-pusat-latihan-mualaf.html, diakes 15 November 2022.

38 Bank Muamalat, 'Wakaf Selangor Muamalat Menyumbang Kos Membesarkan Surau Wanita dan Kantin Kepada Sekolah Menengah Tahfiz Harapan,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate_respons/wakaf-selangor-muamalat-menyumbang-kos-membesarkan-surau-wanita-dan-kantin-kepada-sekolah-menengah-tahfiz-harapan/, diakes 15 November 2022.

Selain itu, WSM juga telah menyumbangkan sejumlah dana kepada institusi pendidikan yang memerlukan, bagi tujuan pembelian peralatan pembelajaran, antaranya RM 40,539.20 kepada sekolah kepada Sekolah Al-Fatih Putra Heights,[39] RM 95,400.00 kepada SRA Darus Saadah Ijok bernilai, RM 32,240.00.00 kepada Asrama Maahad Tahfiz Darul Quran wa Ulummuddin, Sg. Besar, RM 20,000.00 kepada SRA Bandar Seri Putra Kota Damansara bernilai dan RM 25,997.50 kepada Yayasan Pendidikan Islam Selangor.

Selain dari negeri Selangor, dengan kebenaran yang diberikan, Wakaf Selangor Muamalat turut memberikan sumbangan ke luar dari negeri Selangor. Sebagai contoh, sumbangan wakaf kepada Sekolah Agama Rakyat al-Falah, Sabah berjumlah RM 41,000.00[40] dan RM 65,040.00 kepada Sekolah Rendah Islam (SERI) Al-Ummah, Sitiawan, Perak.[41]

c) Wakaf Kenderaan

Selain daripada membantu dalam menyediakan kemudahan dan kelengkapan pendidikan, BMMB melalui inisiatif wakaf bersama MAIN terpilih juga turut memberikan sumbangan wakaf dalam bentuk kenderaan. Melalui Wakaf MAIK Muamalat (WMM) tiga buah van telah disumbangkan kepada tiga buah institusi pendidikan berbeza di Kelantan iaitu Madrasah ad-Diniah al-Bakriah Pasir Tumboh, Madrasah Muhammadiah Pondok Beta Hilir, Kota Bharu dan Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi, Bachok.[42]

---

39 Bank Muamalat, 'Wakaf Selangor Muamalat Menyumbang Peralatan Sekolah kepada Sekolah Al-Fatih Putra Heights,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Berita-Wakaf/2016/Wakaf-Selangor-Muamalat-menyumbang-Sekolah-AL-Fatih-Putra-Heights.html, diakes 15 November 2022.

40 Bank Muamalat, 'Majlis Penyerahan Wakaf Selangor Muamalat Ranau,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/BeritaWakaf/2017/Ziarah_Mahabbah_WSM_Ranau.html, diakses 15 November 2022.

41 Bank Muamalat, 'Kenyataan Akhbar,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wp-content/uploads/2019/02/150603-PR-WSM-SERI-AL-UMMAH-3-JUN-2015.pdf, diakses 15 November 2022.

42 Bank Muamalat, 'Wakaf MAIK Muamalat Menyumbang Van Kepada 3 Buah Institusi Pendidikan di Kelantan,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Berita-Wakaf/2021/wakaf-maik-muamalat-menyumbang-van-kepada-tiga-buah-institusi-pendidikan-pendidikan-di-kelantan.html, diakses 15 November 2022.

Melalui WSM pula beberapa van hasil daripada dana wakaf telah disumbangkan kepada beberapa institusi pendidikan di Selangor dan Kedah, antaranya Institusi Latihan Ilmuan Al-Quran (ILIQ) Selangor,[43] Sekolah Menengah Sains Tahfiz Alor Setar dan Madrasah Uthmaniah ABIM.[44] Keseluruhan dana wakaf yang telah disumbangkan oleh WSM bagi pembelian ketiga-tiga van ini adalah sebanyak RM 262,944.40.

Wakaf Negeri Sembilan Muamalat pula dengan kerjasama Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu (SMAP Labu) telah menyumbangkan sebuah bas yang berharga RM 243,000.00 untuk kegunaan warga SMAP Labu. Penyerahan bas tersebut telah dilakukan di Majlis Pelancaran Bulan Wakaf Peringkat Negeri Sembilan pada 24 Mac 2023.

---

[43] Bank Muamalat, 'Kenyataan Akhbar,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wp-content/uploads/2019/02/140528-PR-WSM-SERI-AL-HUDA-ILIQ-PITAS.pdf, diakses 15 November 2022.

[44] Bank Muamalat, 'Wakaf Selangor Muamalat Menyumbang Van Sekolah Kepada Sekolah Menengah Sains Tahfiz Alor Setar,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wp-content/uploads/2019/02/151123-PR-Wakaf-Selangor-Muamalat-Menyumbang-Van-Sekolah-kpd-SEMESTI-Alor-Setar.pdf, diakses 15 November 2022.

Jadual 1: Projek Sumbangan Wakaf Muamalat

No	Projek	Jumlah (RM)
1.	Membiayai pemindahan dan pembinaan Sekolah Menengah Islam (SMI) Seremban (dalam proses pengumpulan dana)	5 000 000.00
2.	Sebuah bangunan akademik kepada Sekolah Menengah Ugama (Arab) Darul Ulum Diniah, Padang Siam, Tanah Merah, Kelantan	468 587.00
3.	Blok bangunan tiga tingkat kepada KAFA Integrasi al-Mubarak Kota Damansara	157 500.00
4.	Bangunan Pusat Latihan Mualaf di Tumpat Kelantan	369 632.00
5.	Pembinaan sebuah bilik darjah serta kelengkapan pembelajaran kepada Sekolah Rendah Islam Al-Huda (SERI Al-Huda)	498 000.00
6.	Pembesaran surau wanita dan kantin kepada Sekolah Menengah Tahfiz Harapan, Kuala Langat	71 600.00
7.	Peralatan kelas kepada Sekolah Al-Fatih Putra Heights	40 539.20
8.	Sebuah bilik darjah dan perabot kepada SRA Darus Saadah Ijok	95 400.00
9.	Peralatan Asrama Maahad Tahfiz al-Quran wa Ulumuddin, Sg Besar	32 240.00
10.	Dataran berbumbung kepada SRA Bandar Seri Putra Kota Damansara	20 000.00
11.	Peralatan makmal kepada Yayasan Pendidikan Islam Selangor	25 997.50
12.	Sumbangan wakaf kepada Sekolah Agama Rakyat Al-Falah, Sabah	41 000.00
13.	Kelengkapan asas untuk dua belas buah bilik darjah kepada Sekolah Rendah Islam (SERI) Al-Ummah, Sitiawan, Perak	65 040.00
14.	Sebuah van telah disumbangkan kepada Institusi Latihan Ilmuan Al-Quran (ILIQ)	79 000.00
15.	Sebuah van kepada Sekolah Menengah Sains Tahfiz Alor Setar	104 290.02
16.	Sebuah van kepada Madrasah Uthmaniah ABIM	79 654.38
17.	Sebuah bas untuk kegunaan warga SMAP Labu	243 000.00

Sumber: Bank Muamalat Malaysia Berhad (2022)

Berdasarkan kepada kajian yang lepas, wakaf memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pendidikan.[45] Melihat kepada inisiatif yang dilakukan oleh BMMB dalam aspek wakaf pendidikan, penulis mendapati bahawa ia adalah usaha yang baik bagi membantu institusi pendidikan. Peranan BMMB dapat dilihat melalui model wakaf tunai yang dilaksanakan dengan kerjasama MAIN terpilih. Model yang dibangunkan ini bersesuaian dengan BMMB sebagai sebuah institusi perbankan Islam yang tidak hanya berperanan untuk mengumpul dana wakaf sahaja, akan tetapi turut juga terlibat dalam menyalurkan dana tersebut kepada projek-projek wakaf tertentu termasuklah dalam aspek pendidikan. Penyaluran dana tersebut boleh dilakukan dalam bentuk projek kecil yang bersifat jangka masa pendek dan juga projek besar yang bersifat jangka masa panjang. Pada kebiasaannya projek jangka masa panjang yang dirancang akan melibatkan jumlah pendanaan yang tinggi seperti pembiayaan pemindahan dan pembinaan Sekolah Menengah Islam (SMI) Seremban yang sedang dilakukan pada waktu ini, yang dijangka menelan belanja sebanyak RM 5000,000.00. Kesemua projek yang telah dan sedang dilakukan ini memberikan kesan yang signifikan dalam pembangunan sektor pendidikan pada masa ini. Kesemua inisiatif atau projek yang dilakukan oleh BMMB melalui kerjasama MAIN khususnya dalam aspek pendidikan sama ada sumbangan wakaf dalam bentuk pembinaan ataupun penyediaan kemudahan pendidikan disekolah sedikit sebanyak menjadi dana sokongan membantu dalam aspek pembangunan pendidikan.

3. Faktor Kejayaan Pelaksanaan Wakaf di BMMB

Di samping cabaran-cabaran yang dihadapi oleh institusi perbankan Islam dalam pembangunan wakaf, kajian mendapati terdapat beberapa faktor yang menjadikan institusi perbankan Islam antara institusi yang sesuai untuk membangunkan inisiatif yang berkaitan wakaf, antaranya;

[45] Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor ‘Adha Abd Hamid, ‘Kelestarian Wakaf dalam Membangunkan Institusi Pendidikan: Kajian Awal,’ (Proceeding of International Conference on Postgraduate Research, 1-2 Disember 2014, Kuala Lumpur), 454-465.

Rajah 3: Faktor Kejayaan Pelaksanaan Wakaf di BMMB



Sumber: Diolah oleh pengkaji berdasarkan hasil temu bual.

a) Jaringan Cawangan yang Banyak dan Saluran Perbankan yang Pelbagai

Antara kelebihan yang ada pada institusi perbankan yang menjadikannya pilihan yang terbaik untuk terlibat dalam pembangunan dan perkhidmatan wakaf adalah kerana, ia mempunyai jaringan cawangan yang banyak dan saluran perbankan yang pelbagai. Dalam mana-mana entiti perniagaan, capaian jaringan yang banyak dengan pelanggan adalah faktor penting untuk membolehkan pelanggan berurus niaga dengan entiti tersebut.[46]

Dalam konteks institusi perbankan yang memberikan perkhidmatan kewangan kepada orang awam, menuntut kepada keberadaan entiti fizikal secara menyeluruh di sebanyak mungkin di seluruh negara, sama ada di bandar atau di pekan-pekan kecil. Mempunyai cawangan yang banyak akan memudahkan untuk orang ramai berurusan dengan pihak bank. Memang tidak dapat dinafikan kemajuan teknologi pada hari ini telah membawa kepada perubahan operasi perbankan termasuklah menggunakan transaksi secara atas talian. Namun seperkara yang perlu diberi perhatian, terdapat juga keadaan di mana masih terdapat pihak yang tidak bersedia untuk mengubah kaedah transaksi melalui atas talian, sebaliknya mereka masih selesa untuk berurusan secara terus di kaunter-kaunter cawangan. Oleh itu kewujudan cawangan-cawangan juga masih diperlukan pada waktu ini. Kelebihan mempunyai jaringan cawangan yang banyak ini membantu bank-bank Islam yang terlibat dalam aktiviti yang berkaitan wakaf seperti pengumpulan dana wakaf. Hebahan dan promosi kepada orang awam untuk berwakaf akan lebih mudah kerana pihak bank telah mempunyai pelanggan yang sedia ada yang boleh menjadi prospek pewakaf.[47]

---

46 Mohd Hafiz Hj Fauzi (Ketua Jabatan Dakwah, Wakaf & Zakat, Bank Muamalat Malaysia Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 20 Oktober 2020.

47 Mohd Redza Shah Abdul Wahid (Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Presiden, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)), dalam temu bual dengan penulis, 23 November 2020.

Selain daripada mempunyai jaringan cawangan yang banyak di seluruh negara, institusi perbankan sebagai sebuah entiti yang menyediakan perkhidmatan kewangan mempunyai kelebihan untuk terlibat dalam pengumpulan dana wakaf kerana mempunyai saluran perbankan yang pelbagai. Antara saluran-saluran perbankan yang disediakan oleh pihak bank untuk membuat sumbangan wakaf ialah perbankan internet, pembayaran melalui JOMPAY, melalui mesin ATM, perkhidmatan perbankan mobil, pembayaran melalui gerbang pembayaran FPX, perkhidmatan MyDebit dan juga melalui kaunter-kaunter di cawangan.[48]

Perubahan zaman memerlukan kepada perubahan cara dan amalan. Jika dahulu orang ramai biasa berwakaf secara terus dengan tunai, namun seiring dengan kemajuan teknologi ramai yang memilih untuk melakukan transaksi pemindahan wang secara atas talian. Entiti yang berjaya menyediakan pelbagai saluran untuk bertransaksi akan menjadi pilihan oleh orang ramai untuk berwakaf. Pada waktu ini, kelebihan itu ada pada institusi perbankan.[49]

b) Tadbir Urus Korporat dan Syariah

Dalam konteks institusi perbankan, urus tadbir yang baik merupakan komponen penting bagi mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem perbankan. Hal yang demikian kerana fungsi utama institusi perbankan adalah menjadi pemegang amanah untuk menguruskan dana yang diberikan oleh pendeposit dan pemegang saham.[50] Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai pengawalselia institusi perbankan Islam di Malaysia memainkan peranannya yang penting bagi memastikan tadbir urus institusi perbankan Islam berada dalam baik dan teratur. Antara bentuk kawal selia yang dilakukan oleh pihak BNM adalah dengan mengeluarkan dokumen polisi dan garis panduan seperti dokumen polisi Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan pada 3 Ogos 2016. Dokumen polisi dengan jelas menggariskan tanggungjawab utama ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam memastikan tadbir urus korporat dapat diamalkan dengan sebaik mungkin.[51]

---

48 Berita Harian, 'Empat Saluran Pembayaran Tanpa Tunai Popular di Malaysia,' *Berita Harian*, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786964/empat-saluran-pembayaran-tanpa-tunai-popular-di-malaysia, diakses 20 Februari 2021

49 Mohd Hafiz Hj Fauzi (Ketua Jabatan Dakwah, Wakaf & Zakat, Bank Muamalat Malaysia Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 20 Oktober 2020.

50 Mohd Redza Shah Abdul Wahid (Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Presiden, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)), dalam temu bual dengan penulis, 23 November 2020.

51 Bank Negara Malaysia, *Corporate Governance* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2016).

Selain daripada terikat dengan Dokumen Polisi Tadbir Urus Korporat, institusi perbankan Islam juga perlu memastikan tadbir urus Syariah dilaksanakan. Dalam hal ini, BNM telah mengeluarkan satu dokumen polisi khusus berkaitan Tadbir Urus Syariah pada 20 September 2019 yang bertujuan untuk melihat tadbir urus Syariah dilaksanakan sebaik mungkin khususnya dalam aspek pematuhan Syariah.[52]

Mempunyai tadbir urus yang komprehensif mencakupi korporat dan Syariah memberikan satu kelebihan kepada institusi perbankan Islam yang terlibat dalam pengurusan wakaf. Hakikatnya pengurusan wakaf sama seperti pengurusan deposit pelanggan, ia adalah amanah yang perlu diuruskan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, tadbir urus yang baik akan memberikan keyakinan kepada masyarakat awam untuk berwakaf.[53]

c) Kepakaran Pelaburan

Disamping berfungsi sebagai pengumpul deposit dan menyalurkan dana dalam bentuk pembiayaan, institusi perbankan Islam juga terlibat dalam aktiviti pelaburan. Di Malaysia, kepesatan industri kewangan Islam dapat dilihat dengan wujudnya pelbagai instrumen pelaburan yang tujuannya adalah untuk memberikan pilihan kepada pelanggan perbankan mengembangkan dana yang dimiliki.[54] Pelaburan adalah satu kaedah yang boleh dilakukan untuk mengembangkan harta dengan jangkaan keuntungan pada masa hadapan berdasarkan risiko tertentu yang mungkin berlaku.[55]

Dalam konteks pengurusan wakaf pada hari ini, pelaburan dana wakaf yang terkumpul perlu diperkembangkan agar kelestarian dana tersebut dapat dicapai. Pengurus-pengurus dana wakaf boleh memanfaatkan kewujudan instrumen-instrumen pelaburan yang sedia ada untuk mengembangkan dana wakaf tersebut. Penglibatan institusi perbankan Islam seperti BMMB sebagai pengurus dana wakaf memberikan satu kelebihan kerana sebagai sebuah bank, BMMB mempunyai kepakaran dalam menentukan instrumen pelaburan yang sesuai dengan sifat wakaf itu sendiri. Ini dapat dilihat apabila pelaburan yang dilakukan oleh BMMB dalam model WSM telah

---

52 Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2019)

53 Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance*.

54 Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan & Ahmad Azam Sulaiman@Mohamad, 'Pembangunan dan Pelaburan Lestari Harta Wakaf dari Perspektif Islam,' *Jurnal Kanun*, vol. 28/1 (2016): 82.

55 Mohd Afandi Mat Rani, Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki Abdul Latiff, Amal Hayati Ishak & Razali Othman, *Transformasi Wakaf di Malaysia: Isu dan Cabaran* (Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi Mara, 2014), 151.

membuahkan hasil keuntungan yang memberikan manfaat besar kepada WSM itu sendiri.

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa keperluan kepada kemudahan pendidikan pada masa ini adalah sangat mendesak. Menjadi tanggungjawab pihak kerajaan untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang baik kepada rakyat. Namun begitu, peningkatan kos pendidikan yang tinggi pada ketika ini memberikan bebanan kewangan yang besar kepada pihak kerajaan. Oleh yang demikian, penglibatan institusi korporat seperti institusi perbankan Islam serta Majlis Agama Islam Negeri boleh memainkan peranan mereka untuk membantu pihak kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, dan ia boleh dilakukan melalui instrumen wakaf. Berdasarkan kajian yang dilakukan dapat dilihat bahawa BMMB sebagai sebuah institusi perbankan Islam di Malaysia, mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam membantu menyediakan kemudahan pendidikan melalui wakaf. Kajian juga mendapati selain daripada melakukan aktiviti-aktiviti perniagaan yang berorientasikan keuntungan, pihak institusi perbankan Islam juga boleh mengambil inisiatif dengan membangunkan wakaf termasuklah dalam aspek pendidikan. Kajian yang dilakukan ini memberikan gambaran bahawa institusi perbankan boleh terlibat sama dalam melaksanakan inisiatif yang berkaitan wakaf khususnya wakaf tunai. Model yang dibincangkan dalam kajian ini boleh diambil sebagai rujukan bagi institusi perbankan Islam lain yang berhasrat untuk terlibat sama dalam pembangunan wakaf di Malaysia.

RUJUKAN

Abd. Shakor Borham & Siti Mashitoh Mahamood, 'Wakaf Korporat Johor Corporation dan Sumbangannya Dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam di Malaysia: Satu tinjauan,' *Journal of Techno Social*, vol. 5/2 (2013): 61-77.

Abdul Halim Sunny, 'Dana Wakaf untuk Pendidikan: Satu Kajian Awal,' *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, vol. 1/2 (2002): 33-34.

Ahmad Zaki Abd. Latif, Nor Zaidi Mohd Daud & Che Zuina Ismail, 'Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia,' *Jurnal Pengurusan* JAWHAR, vol. 2/2 (2008): 25-61.

AIBIM, 'MyWakaf,' *AIBIM*, https://www.mywakaf.com.my/ms/our-projects/?project=39, diakes 15 November 2022.

Alli Ahmad Khan, 'Beneficial Interest of Waqf in the Minority Community: Experience in the India Population,' (Kertas kerja Seminar Waqf Antarabangsa 2014, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014).

Amir Mu'allim, 'Pengaruh Pengelolaan Wakaf di Mesir Terhadap Pengelolaan Harta Wakaf Pendidikan di Indonesia,' *Akademika: Jurnal Pemikiran Islam*, Vol. 20/1 (2015): 103-122.

Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 'Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisa Wakaf Selangor Muamalat,' *Jurnal Pengurusan*, vol. 42 (2014): 159-167.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman, 'Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih: Potensi Pelaksanaan di Peringkat Institusi Pengajian Tinggi,' *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, vol. 10 (2017): 151-185

Bank Muamalat, 'Kenyataan Akhbar,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, 2016, https://www.muamalat.com.my/wp-content/uploads/2019/02/160508-PR-WSM-SMUA-Darul-Ulum-8-May-2016.pdf, diakses 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Wakaf MAIK Muamalat Merasmikan Pusat Latihan Mualaf,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Berita-Wakaf/2020/wakaf-maik-muamalat-merasmikan-pusat-latihan-mualaf.html, diakes 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Wakaf Selangor Muamalat Menyumbang Kos Membesarkan Surau Wanita dan Kantin Kepada Sekolah Menengah Tahfiz Harapan,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/corporate-overview/corporate_respons/wakaf-selangor-muamalat-menyumbang-kos-membesarkan-surau-wanita-dan-kantin-kepada-sekolah-menengah-tahfiz-harapan/, diakes 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Wakaf Selangor Muamalat Menyumbang Peralatan Sekolah kepada Sekolah Al-Fatih Putra Heights,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Berita-Wakaf/2016/Wakaf-Selangor-Muamalat-menyumbang-Sekolah-AL-Fatih-Putra-Heights.html, diakes 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Majlis Penyerahan Wakaf Selangor Muamalat Ranau,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/BeritaWakaf/2017/Ziarah_Mahabbah_WSM_Ranau.html, diakses 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Kenyataan Akhbar,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wp-content/uploads/2019/02/150603-PR-WSM-SERI-AL-UMMAH-3-JUN-2015.pdf, diakses 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Wakaf MAIK Muamalat Menyumbang Van Kepada 3 Buah Institusi Pendidikan di Kelantan,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Berita-Wakaf/2021/wakaf-maik-muamalat-menyumbang-van-kepada-tiga-buah-institusi-pendidikan-pendidikan-di-kelantan.html, diakses 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Kenyataan Akhbar,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wp-content/uploads/2019/02/140528-PR-WSM-SERI-AL-HUDA-ILIQ-PITAS.pdf, diakses 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Wakaf Selangor Muamalat Menyumbang Van Sekolah Kepada Sekolah Menengah Sains Tahfiz Alor Setar,' *Bank Muamalat Malaysia Berhad*, https://www.muamalat.com.my/wp-content/uploads/2019/02/151123-PR-Wakaf-Selangor-Muamalat-Menyumbang-Van-Sekolah-kpd-SEMESTI-Alor-Setar.pdf, diakses 15 November 2022.

Bank Muamalat, 'Pengenalan', *Wakaf Muamalat*, https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/Pengenalan.html, diakses 10 Jun 2022.

Bank Negara Malaysia, *Corporate Governance* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2016).

Bank Negara Malaysia, *Shariah Governance* (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2019).

Bank Negara Malaysia, 'Ucapan Gabenor pada Seminar Kewangan Islam Anjuran Bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong "Ke Arah Meraih Potensi Pertumbuhan Global Kewangan Islam",' *Bank Negara Malaysia*, http://www.bnm.gov.my/?ch=bm_speech&pg=bm_speech_all&ac=299&lang=bm, diakses 15 Februari 2022.

Berita Harian, 'Inisiatif MyWakaf,' *Berita Harian*, https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/09/322944/6-bank-islam-bangunkan-dana-wakaf, diakses 8 Jun 2020.

Berita Harian, 'Empat Saluran Pembayaran Tanpa Tunai Popular di Malaysia,' *Berita Harian*, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786964/empat-saluran-pembayaran-tanpa-tunai-popular-di-malaysia, diakses 20 Februari 2021

BERNAMA, 'Belanjawan 2023: KPM Menggalas Tanggungjawab Besar Kepada Pembangunan Pendidikan Negara,' *BERNAMA*, https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php?id=2167972, diakses 15 Oktober 2023.

Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2006).

Husna Mohd Sa'adan, Siti Mashitoh Mahamood, Zaharah Hussin & Norwati Mansor, 'Polisi dan Perundangan Penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Berasaskan Wakaf: Kajian di Malaysia dan Indonesia,' *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol. 31/1 (2019): 157-183.

John. W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 3rd ed. (Thousand Oaks, CA: SAGE Publication, 2009).

Kementerian Pendidikan Malaysia, 'Belanjawan 2023 Kementerian Pendidikan Malaysia,' *Kementerian Pendidikan Malaysia*, https://www.moe.gov.my/muat-turun/kenyataan-

media/km2023/5642-km-kpm-belanjawan-2023-kementerian-pendidikan-malaysia/file, diakses 15 Oktober 2023.

Mas Nooraini Hj Mohiddin, 'Kredibiliti Wakaf Dalam Menangani Isu Pembiayaan Pengajian Tinggi: Wakaf Pendidikan Malaysia Sebagai Model,' *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, vol. 6/41 (2021): 76-96.

Mohd Afandi Mat Rani, Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki Abdul Latiff, Amal Hayati Ishak & Razali Othman, *Transformasi Wakaf di Malaysia: Isu dan Cabaran* (Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi Mara, 2014).

Mohd Faizal Noor Ariffin, Mohammad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad & Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, 'Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan,' *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 6/2 (2021): 105-113

Mohd Hafiz Hj Fauzi (Ketua Jabatan Dakwah, Wakaf & Zakat, Bank Muamalat Malaysia Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 20 Oktober 2020.

Mohd Redza Shah Abdul Wahid (Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Presiden, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)), dalam temu bual dengan penulis, 23 November 2020.

Mohd Zamerey Abdul Razak & Rahimi Md Saad, 'Peranan Institusi Kewangan Islam Dalam Pembangunan Pendidikan di Malaysia: Satu Sorotan Ringkas,' (Kertas Kerja Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan 2014, Kota Kinabalu, Sabah, 15-16 Disember 2014)

Najibah Mustapa & Zamro Muda, 'Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur,' *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, vol. 1/1 (2014): 45-47.

Norul Azila Ismail & Hairunnizam Wahid, 'Penerimaan Masyarakat Islam terhadap Wakaf Tunai Pendidikan: Kajian dalam Kalangan Kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA),' *Journal of Management & Muamalah*, vol. 11/2 (2021): 1-14.

Nurwajihah Ajlaa Ali & Ruzian Markom, 'The Challenges in Implementing Cash Waqf in Malaysia,' *Journal of Contempory Islamic Studies*, vol. 6/2 (2020): 1-16.

Rais Yasin, Sayuti Ab Ghani, Nur Amni Syafiqah Saufe & Redwan Yasin, 'Relevansi Pelaksanaan Wakaf Pendidikan dan Keberkesanan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA),' *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance (AZJAF)*, vol. 4/1 (2023): 175-187.

Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid, 'Kelestarian Wakaf dalam Membangunkan Institusi Pendidikan: Kajian Awal,' (Proceeding of International Conference on Postgraduate Research, 1-2 Disember 2014, Kuala Lumpur).

Rosnani Hashim, 'Ekonomi dan Pendidikan: Peranan Institusi Wakaf,' *Jurnal Pendidikan Islam*, vol. 3/1 (1990): 40-50.

Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan & Ahmad Azam Sulaiman@Mohamad, 'Pembangunan dan Pelaburan Lestari Harta Wakaf dari Perspektif Islam,' *Jurnal Kanun*, vol. 28/1 (2016): 82.

Syed Mohd Razali Wafa, 'Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia,' (Kertas kerja Seventh International Conference –The Epistemology: Zakat and Waqf Ekonomi, Bangi, 2010).

Wan Azmi bin Wan Ahmad, Muhammad Muzakkir Othman@Seman, Mohd Hafiz Abdul Wahab & Norhasimah Shaharuddin, 'Pembangunan Wakaf Pendidikan di IPT Malaysia: Satu Alternatif untuk Mengurangkan Kos Pengajian,' (Kertas kerja Muktamar Waqf Iqlimi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 29 April 2014).

Wan Nuraihan Hj Ab Shatar (Pegawai Wakaf & Zakat, Bank Muamalat Malaysia Berhad), dalam temu bual dengan penulis, 23 November 2020.